

**TEKS UCAPAN  
YANG BERBAHAGIA  
DATUK PROFESOR DR. SHAHRIN  
SAHIB@SAHIBUDDIN**

**NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS MENANDATANGANI  
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN**

**ANTARA  
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA  
(PLANMalaysia)**

**DAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**8 NOVEMBER 2023 | 3.30 PETANG**

**KOMPLEKS PERSIDANGAN  
PERBADANAN PUTRAJAYA**

**YBrs. TPr Dr. Alias bin Rameli**  
**Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa**  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
(PLANMalaysia)

**YBrs. TPr Hj Hassan bin Yaakob**  
**Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)**  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
(PLANMalaysia)

**YBrs. Prof. TPr Dr. Jamalunlaili Abdullah**  
**Penolong Naib Canselor**  
Kolej Pengajian Alam Bina

Ketua Pengajian Perancang Bandar dan Senibina  
Landskap, UiTM Puncak Alam

Ketua Program Perancangan Bandar dan Wilayah,  
Jabatan Pengajian Alam Bina dan Teknologi, Kolej  
Pengajian Alam Bina UiTM Seri Iskandar

Pegawai-pegawai PLANMalaysia

Para pensyarah Program Perancangan Bandar dan  
Wilayah, Kolej Pengajian Alam Bina, Universiti Teknologi  
Mara

Pegawai-pegawai daripada PLANMalaysia

Tuan-tuan, Puan-puan yang saya hormati sekalian.

## **Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan rahmat dan izin-Nya kita dapat bersama-sama di Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) dengan Pihak Universiti Teknologi MARA melalui Pengajian Perancangan Bandar dan Senibina Landskap, Kolej Pengajian Alam Bina.

2. Saya bagi pihak UiTM ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak PLANMalaysia di atas kesudian dalam kerjasama serta penganjuran Majlis ini.

**Para hadirin yang saya hormati sekalian.**

3. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) memang satu nama yang tidak asing lagi di Malaysia. Peranan PLANMalaysia cukup besar di

dalam perancangan bandar dan desa ke arah kesejahteraan rakyat, perancangan spatial yang komprehensif dan kemakmuran negara.

4. Tertubuhnya UiTM sebagai sebuah institusi pengajian awam yang menitikberatkan pendidikan dan ilmu pengetahuan sejak 67 tahun dulu boleh dikatakan sama penting di dalam melengkapi kehendak pembangunan dengan melahirkan graduan-graduan bumiputera yang bakal mengurus pembangunan yang disasarkan dan seterusnya memacu pembangunan ke tahap lebih tinggi.

5. Pendek kata PLANMalaysia dan UiTM saling lengkap melengkapi antara satu sama lain di dalam melaksanakan tanggungjawab penubuhan masing-masing. PLANMalaysia berperanan sebagai salah satu Jabatan di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan yang menyediakan aspek fizikal perancangan dan pembangunan manakala UiTM berperanan di dalam menyediakan aspek pengurusan kognitif dan intelektual

bagi kawasan bandar dan desa oleh PLANMalaysia. UiTM telah menjalinkan banyak hubungan kerjasama melalui MoU dan MoA bersama pelbagai agensi antarabangsa dan di dalam negara. Justeru, kami tidak mahu ketinggalan untuk menjalinkan kolaborasi bersama PLANMalaysia yang mempunyai rekod yang sangat cemerlang dari sudut perancangan dan pembangunan negara.

6. UiTM telah memulakan tapak penubuhannya di Jalan Othman, Petaling Jaya pada tahun 1956 melalui Sekolah Latihan Teknikal di bawah RIDA (*Rural & Industrial Authority*) yang kemudiannya diambil alih oleh MARA sejak 1965 yang dikenali sebagai Institut Teknologi MARA. Kampus pertama ITM di Bandaraya Shah Alam telah menjadi batu asas penubuhan UiTM yang kini telah mempunyai cawangan seluruh negara dan melahirkan jutaan graduan di dalam pelbagai profesion pekerjaan.

7. MoU ini merupakan satu manifestasi bagi menjalinkan kerjasama dalam bidang akademik, penilaian, penyelidikan dan latihan di dalam bidang perancangan bandar. Kami yakin, dengan adanya PLANMalaysia sebagai rakan kerja strategik, kita dapat sama-sama melaksanakan aspirasi kerajaan untuk bergerak ke arah teknologi mampan, berdaya saing dan inovatif serta melahirkan masyarakat madani. Seterusnya ini dapat memperkukuhkan lagi kerjasama untuk kepentingan bersama di antara pihak universiti dan industri di dalam bidang pengajian akademik dan perancangan bandar sesuai dengan perkembangan pesat dunia teknologi, perancangan dan penyelidikan.

8. Antara jalinan kerjasama ini adalah seperti pelaksanaan aktiviti-aktiviti berbentuk akademik dan juga amali di antara pihak UiTM dan PLANMalaysia dalam aspek penyelidikan dan perundingan khususnya dalam bidang perancangan bandar, pembangunan dan pengurusan bandar, sosio-ekonomi bandar, rekreasi dan pelancongan, perancangan pengangkutan, sistem maklumat geografi (GIS), perancangan komuniti dan

kemudahan kemasyarakatan serta percambahan idea-idea baru untuk tujuan penyelidikan dalam bidang perancangan dan pembangunan bandar di peringkat negeri.

### **Hadirin Sekalian,**

9. Pihak UiTM menyambut baik hubungan kerjasama ini yang selaras dengan inisiatif dan objektif Plan Strategik UiTM 2025 dalam memperkukuhkan jalinan dan hubungan di antara industri dan alumni. UiTM melalui Pelan Strategik UiTM 2025 yang bertemakan *Unleashing Potentials, Shaping the Future* atau **Menyerlahkan Potensi, Membentuk Masa Hadapan** adalah satu pelan untuk menjadikan UiTM sebagai sebuah universiti dikenali dunia yang sudah pasti memerlukan sokongan daripada semua termasuk pihak industri.

10. Saya berharap, melalui perjanjian persefahaman ini, UiTM dan PLANMalaysia dapat menggiatkan lagi aktiviti yang akan dilaksanakan dan sentiasa bersedia untuk memberi kerjasama dalam jalinan industri yang

berpanjangan. Semoga persefahaman yang dibentuk ini mampu memberi impak yang berkesan kepada pembinaan ilmu dan juga kepada masyarakat keseluruhannya.

11. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak PLANMalaysia serta para hadirin. Semoga majlis pada petang ini berjalan dengan jayanya dan mendapat rahmat dari Allah SWT dan semoga hubungan ini akan memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara.

**Sekian, terima kasih.**